


# PBAPP baiki dua paip air mentah pecah

20/08/2021 07:17 PM



GEORGE TOWN, 20 Ogos -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah mengerakkan pasukan pemberaan saluran paip kecemasan untuk membaiki dua saluran paip air mentah yang pecah di muka sauk air Titi Kerawang, Balik Pulau, dekat sini hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Ir. Jaseni Maidinsa berkata dua saluran paip air mentah yang rosak ditimpa batu akibat hujan lebat itu membabitkan muka sauk air mentah yang terletak di lereng bukit hutan di Balik Pulau.

"Batu-batu yang jatuh telah merosakkan saluran paip air mentah 150mm dan 225mm, dan kedua-dua (saluran) air itu menyalurkan air dari muka sauk air mentah ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Pinang yang terletak kira-kira 500m ke hilir.

"Siasatan mendapati, dua saluran paip air mentah yang rosak itu juga telah menjelaskan bekalan air mentah ke LRA Sungai Pinang, yang sebahagian besarnya membekalkan air terawat kepada pengguna di kawasan Balik Pulau," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya LRA Sungai Pinang mengeluarkan purata 12.9 juta liter sehari (JLH) air terawat dan PBAPP telah mengaktifkan pelan kontingensi untuk mengepam air terawat tambahan dari rumah-rumah pam Teluk Kumbar dan Teluk Bahang bagi meminimumkan impak kejadian ini terhadap perkhidmatan bekalan air di Balik Pulau.

Jaseni berkata pada masa yang sama pasukan lori tangki air PBAPP juga telah bersiap sedia untuk menghantar air terawat kepada pengguna yang tinggal di kawasan tinggi atau di kawasan hujung saluran paip (EOL).

Katanya ketika ini pasukan pemberaan saluran paip kecemasan PBAPP telah dikerahkan ke lokasi hutan untuk melaksanakan penyelesaian paling rasional dengan pantas dalam menyambungkan semula saluran paip yang pecah.